KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايائن دان كسنين نكارا

PELAN STRATEGIK

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

2026-2030



PELAN STRATEGIK

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

2026-2030

Cetakan Pertama 2026
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)

Penerbit
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03 2614 8200
No. Faks: 03 2697 0884
Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my

Ketua Editor
Salmiyah Ahmad

Editor
Putri Shahda Azza Megat Burhainuddin
Peter Haryson Nianti
Syahira Malek

Rekaan Grafik dan Percetakan
Anithink Consultant Sdn. Bhd. (1346077-X)
No. 17-2, Jalan PJS3/34
Taman Sri Manja, Petaling
46000 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan dalam Penerbitan Malaysia,
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

PELAN STRATEGIK
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
2026-2030

ISBN: 978-629-7886-07-7

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH 4

BAB 1 Pendahuluan 5

Ringkasan Eksekutif 6
Kerangka Pelan Strategik 2026-2030 7
Latar Belakang dan Ringkasan Sejarah 8
Struktur Organisasi 11
Fungsi dan Peranan 12
Punca Kuasa 13

BAB 2 Senario Persekitaran 15

Pemegang Taruh 16
Isu dan Cabaran 17

BAB 3 Hala Tuju Strategik 19

Matlamat 20
Visi dan Misi 21
8 Nilai Bersama 22
Strategi Utama 23

BAB 4 Strategi dan Formulasi Tindakan 25

Teras Strategik 26
Pelan Tindakan
Teras 1 ➤ 7 Strategi : 13 Program 29
Teras 2 ➤ 4 Strategi : 7 Program 41
Teras 3 ➤ 5 Strategi : 8 Program 47
Teras 4 ➤ 4 Strategi : 11 Program 57
Teras 5 ➤ 2 Strategi : 5 Program 65
Teras 6 ➤ 6 Strategi : 9 Program 73

BAB 5 Implementasi ke Arah Kejayaan 83

Mekanisme Pelaksanaan 84
Pemantauan 85
Penilaian 86
Kaedah Penilaian Impak Budaya 87
Elemen Penentu Kejayaan 88
Selangkah ke Hadapan 90

Penutup 92

Sekalung Penghargaan 93

Galeri 94

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (PS JKKN) 2026–2030 berjaya dizahirkan dengan sempurnanya.

Dokumen ini merupakan manifestasi komitmen berterusan JKKN dalam memacu pembangunan seni dan budaya negara melalui pendekatan yang lebih strategik, mampan dan inklusif. Pelan ini menterjemahkan refleksi pencapaian 2021–2025 untuk mendepani landskap budaya masa hadapan yang kian dinamik dan digarap berteraskan hasil libat urus yang komprehensif bersama pihak pengurusan dan kepimpinan tertinggi JKKN.

Berpaksikan acuan berorientasikan impak, pelan ini menggariskan Indikator Prestasi Utama (KPI) yang jelas serta pelan tindakan pragmatik bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan strategik ini bakal menjadi kompas utama JKKN dalam menggembleng seluruh kekuatan demi melestarikan ekosistem budaya, mengukuhkan identiti bangsa serta menjana nilai rantaian ekonomi dan sosial yang signifikan menerusi sektor seni budaya.

PS JKKN 2026–2030 bukan sekadar garis panduan di atas kertas, tetapi menjadi pemacu transformasi yang meletakkan seni budaya di mercu sebagai instrumen pemerkasaan ketamadunan masyarakat Malaysia berteraskan identiti nasional. Semoga seluruh warga JKKN sentiasa bersiap siaga merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan seiring dengan peranan pentadbir budaya dalam usaha memartabatkan seni budaya negara.



“Negara Maju, Rakyat Berbudaya”

Mohd Amran bin Mohd Haris
Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

BAB 1
PENDAHULUAN

- Ringkasan Eksekutif
- Kerangka Pelan Strategik 2026-2030
- Latar Belakang dan Ringkasan Sejarah
- Struktur Organisasi
- Fungsi dan Peranan
- Punca Kuasa

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan sebuah organisasi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangun, mengembang, menyemarak dan melestarikan seni budaya warisan negara bagi mengekalkan imej Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya. Peranan ini direalisasikan secara bersepadu di seluruh negara selaras dengan visi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan, seni dan budaya lestari bertaraf dunia.

Selaras dengan peranan sebagai pentadbir budaya, JKKN sentiasa komited merangka dan mewujudkan pelbagai inisiatif/ program/ aktiviti berteraskan fungsi, visi dan misi JKKN yang memfokuskan kepada:

i. Pembangunan Modal Insan Seni Budaya;
ii. Pengembangan, Pengukuhan dan Penyemarakan Seni Budaya;
iii. Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Bahan/ Produk Seni Budaya;
iv. Pendokumentasian dan Penerbitan Bahan Seni Budaya;
v. Pembangunan Produksi dan Artistik; dan
vi. Promosi Program/ Aktiviti/ Produk Seni Budaya.

Inisiatif/ program/ aktiviti ini dilaksanakan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa melalui sinergi tiga (3) komponen utama iaitu Sektor Pentadbiran dan Kewangan, Sektor Dasar dan Perancangan serta Sektor Kebudayaan dan Kesenian dengan sokongan 14 JKKN Negeri bagi memastikan JKKN kekal relevan dan progresif. Perancangan program/ aktiviti bagi tempoh 2026 – 2030 adalah bertepatan dengan teras strategik dan hala tuju yang telah digariskan. Pelan Strategik ini akan dikaji semula dalam tempoh dua (2) tahun sekali bagi menilai tahap pencapaian, impak pelaksanaan dan mengenal pasti mekanisme penambahbaikan yang terbaik ke arah memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya.

KERANGKA PELAN STRATEGIK 2026-2030

MATLAMAT
NEGARA MAJU, RAKYAT BERBUDAYA

VISI
"MENJADI PENERAJU SENI BUDAYA DALAM MEMBINA PERADABAN DAN TAMADUN BANGSA MALAYSIA"

MISI
- Memacu pemeliharaan, pengembangan dan kelestarian seni budaya negara.
- Menggembleng seni budaya sebagai instrumen pembinaan identiti nasional, kesejahteraan sosial dan perpaduan rakyat.
- Memperkasakan ekosistem industri seni budaya yang inovatif, berdaya saing dan menjana nilai ekonomi.
- Memanfaatkan seni budaya sebagai pemangkin pelancongan, pembangunan negara dan pengiktirafan global.

NILAI BERSAMA
BERPEGANGAN AGAMA | BERPENGETAHUAN | BERSATU PADU | BERINOVASI | BERJATI DIRI | BERBUDI BAHASA | BERJAYA | BERNILAI MURNI

STRATEGI UTAMA
- PENDIDIKAN SENI BUDAYA
- PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
- PEMETAAN BUDAYA
- PENJANAAN EKONOMI
- OPTIK BUDAYA
- PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

TERAS STRATEGIK
- **TS1 :** ASUHAN & KEMAHIRAN
- **TS2 :** PULIHARA & PELIHARA
- **TS3 :** CAPAIAN PERKHIDMATAN
- **TS4 :** TADBIR URUS INDUSTRI
- **TS5 :** JARINGAN KERJASAMA
- **TS6 :** TADBIR URUS PRESTASI TINGGI

PELAN TINDAKAN
- **7** STRATEGI **13** PROGRAM
- **4** STRATEGI **7** PROGRAM
- **5** STRATEGI **8** PROGRAM
- **4** STRATEGI **11** PROGRAM
- **2** STRATEGI **5** PROGRAM
- **6** STRATEGI **9** PROGRAM

PEMBOLEHDAYA
- MODAL INSAN
- SUMBER KEWANGAN
- TADBIR URUS
- SISTEM DAN PROSEDUR KERJA
- KERJASAMA PELBAGAI PIHAK
- TEKNOLOGI

PEMEGANG TARUH
KERAJAAN | PELANGGAN | RAKAN STRATEGIK

PUNCA KUASA
- PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
- ARAHAN DAN PEKELILING PERKHIDMTAN AWAM
- AFFM 1969
- DKMN 1990
- DSN 2030
- AWK 2005
- DBN 2015
- DAKEN 2021
- PS MOTAC 2026
- WKB 2030
- DPN 2020
- DPN 2021

LATAR BELAKANG DAN RINGKASAN SEJARAH

Perjalanan Bahagian Kebudayaan bermula pada tahun 1953 apabila ia ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diletakkan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan ini bertujuan memperkukuh kebudayaan kebangsaan demi pembangunan sosioekonomi serta pemupukan nilai-nilai murni. Bagi memastikan aspirasi dan inti pati kebudayaan sentiasa dihayati dan diamalkan secara berterusan, bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk merangka dasar, merancang, menyelaraskan, serta mengurus pelbagai program kebudayaan sambil memelihara perpaduan rakyat.

Seiring perubahan pentadbiran, bahagian ini dipindahkan ke bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran Malaysia pada tahun 1964. Pada tahun yang sama, kementerian tersebut bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan dan Kebajikan Masyarakat untuk mengemukakan cadangan pembinaan Pusat Kebudayaan Negara Malaysia. Kompleks kebudayaan yang dirancang di sekitar Lembah Pantai, berdekatan Pusat Penyiaran Malaysia dan Universiti Malaya mencakupi pelbagai komponen utama seperti Muzium Sejarah Negara, Balai Seni Lukis Negara, Planetarium Negara, Panggung Utama, restoran, dan pusat membeli-belah budaya.

Perkembangan kebudayaan negara terus melangkah ke fasa baharu apabila Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1972. Kemuncaknya, pada 20 Mei 1987, kerajaan telah menggabungkan bahagian ini dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (ketika itu di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian). Gabungan strategik ini secara rasminya melahirkan sebuah entiti baharu yang dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

Perjalanan sejarah kementerian ini terus berkembang apabila pada 22 Oktober 1992, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia melangkah ke fasa baharu dan dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Sepanjang tempoh ini, kementerian beroperasi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sehingga berlaku pembentukan kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri pada 1 November 2003.

LATAR BELAKANG DAN RINGKASAN SEJARAH

Pembentukan kabinet baharu tersebut menyaksikan penstrukturan semula portfolio Kementerian di mana urusan kesenian dan budaya diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa), manakala aspek pelancongan pula dipisahkan di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTour).

Pada peringkat awal penubuhan KeKKWa, Bahagian Pembangunan Kesenian dan Kebudayaan kekal beroperasi sebagai sebuah bahagian di bawah kementerian. Perubahan besar berlaku apabila YB Menteri mengarahkan agar satu usul dikemukakan bagi menubuhkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara serta Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri-negeri. Menyahut arahan tersebut, Bahagian Pembangunan Kesenian dan Kebudayaan telah menyediakan kertas cadangan berkaitan, yang kemudiannya dibentangkan secara rasmi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada bulan November 2004.

Detik bersejarah tercipta pada 15 Mac 2005 apabila Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian menerima Waran Perjawatan Bil. S/20 Tahun 2005, bertarikh 22 Mac 2005. Penerimaan waran ini menandakan penubuhan rasmi dua entiti penting, iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri-negeri.

Bagi memantapkan lagi peranan JKKN dalam urusan perancangan dan penyelidikan seni serta budaya, Waran Perjawatan Bil. S40 bertarikh 1 Februari 2007 telah dikeluarkan untuk mewujudkan sebuah bahagian baharu, iaitu Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan.

Kepimpinan JKKN kekal dinamik walaupun melalui beberapa siri peralihan kementerian. Pada 18 Mac 2008, JKKN dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Malaysia (KPKKW), sebelum bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) pada 9 April 2009. Selepas empat tahun berada di bawah naungan KPKK, JKKN diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) pada 16 Mei 2013. Pada 2 Julai 2018, JKKN secara rasminya berada di bawah kementerian yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

LATAR BELAKANG
DAN RINGKASAN SEJARAH

1953
Bahagian Kebudayaan ditubuhkan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat

1964
Bahagian Kebudayaan diletakkan di Kementerian Penerangan dan Penyiaran Malaysia

1972
Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

1987
Bahagian Kebudayaan di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

1992
Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (MoCAT)

2004
Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa)

22 Mac 2005
Dinaik taraf kepada JKKN (Waran Bilangan S20 Tahun 2005)

1 Februari 2007
Pewujudan bahagian baharu iaitu Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan (Waran Bilangan S40 Tahun 2007)


18 Mac 2008
JKKN sebagai salah satu jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KPKKW)

9 April 2009
JKKN bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)

16 Mei 2013
JKKN menjadi satu jabatan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)

2 Julai 2018
JKKN bernaung di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

STRUKTUR ORGANISASI




FUNGSI DAN PERANAN



- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan, pendokumentasian dan penerbitan, bimbingan seni budaya, pembangunan produk seni budaya, pengembangan seni budaya, pengukuhan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik dan promosi seni budaya.
- Membina jaringan kerjasama dengan pemain industri seni budaya, agensi kerajaan swasta, NGO dan penggiat seni budaya dari dalam dan luar negara.
- Menyediakan landasan untuk membolehkan penggiat seni menjana pendapatan melalui aktiviti seni budaya.
- Memperkukuhkan aktiviti seni dan budaya yang bersesuaian sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara.
- Meningkatkan keberkesanan peranan JKKN melalui 14 JKKN negeri.

PUNCA KUASA


1969
Akta Fungsi-Fungsi Menteri (AFFM)
1990
Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN)
2030
Dasar Sosial Negara (DSN)
2005
Akta Warisan Kebangsaan (AWK)
2015
Dasar Belia Negara (DBN)
2020
Dasar Pelancongan Negara (DPN)
2021
Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN)
2021
Dasar Perpaduan Negara (DPN)
2026
Pelan Strategik MOTAC
2030
Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)
Perlembagaan Persekutuan
Arahan dan Pekeliling Perkhidmatan Awam

BAB 2
SENARIO PERSEKITARAN


- Pemegang Taruh
- Isu dan Cabaran

PEMEGANG TARUH



KERAJAAN

- Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Menteri MOTAC
- Timbalan Menteri MOTAC
- Ketua Setiausaha MOTAC



PELANGGAN

- Komuniti/ Masyarakat
- Sektor Swasta
- Institusi Pendidikan
- Penggiat Industri Seni Budaya
- NGO Seni Budaya



RAKAN STRATEGIK

- Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan
- Sektor Swasta
- Agensi Antarabangsa
- Media
- Syarikat Seni
- Syarikat Berkaitan Kerajaan- *Government Linked Companies (GLC)*
- NGO Seni Budaya

ISU DAN CABARAN

Pelaksanaan seni budaya di Malaysia masih berdepan cabaran dari segi kefahaman masyarakat, kekangan sumber, prasarana, data, kerjasama antara sektor, serta adaptasi digital yang perlahan, sekali gus menjejaskan keberkesanan dan impak jangka panjang pembangunan budaya negara.

Penglibatan dan Penghayatan

Seni dan budaya sering disalah tafsir sebagai perkara yang sama, sedangkan seni hanyalah satu elemen dalam budaya, namun masih ramai yang menganggap kesenian sekadar hiburan dan tidak melihat peranan seni budaya sebagai pemacu penting dalam pembangunan negara.

Peruntukan dan Sumber Kewangan

Pembiayaan aktiviti budaya masih terlalu bergantung kepada bajet tahunan kerajaan, manakala sumber dana alternatif termasuk sokongan daripada sektor swasta dan GLC pula masih terhad dan belum dimanfaatkan sepenuhnya, menyebabkan kelangsungan program seni budaya kurang berdaya tahan.

Infrastruktur dan Fasiliti Budaya

Prasarana seni budaya masih tidak seimbang antara negeri dan kawasan luar bandar, dengan banyak fasiliti sedia ada memerlukan baik pulih, sekali gus menjejaskan akses, penyertaan serta kualiti pengalaman budaya dalam kalangan masyarakat setempat.

Teknologi

Perubahan teknologi yang pantas seperti A.I (*Artificial Intelligence*) serta generasi baharu yang lebih cenderung kepada media baharu. Teknologi memangkinkan kecekapan, komunikasi global dan automasi, namun ia juga mencetuskan kebergantungan melampau, ancaman privasi, keselamatan siber, jurang digital dan masalah kesihatan mental seperti keletihan digital.

BAB 3
HALA TUJU STRATEGIK

- Matlamat
- Visi dan Misi
- Nilai Bersama
- Strategi Utama

NEGARA MAJU RAKYAT BERBUDAYA



VISI DAN MISI

VISI

Menjadi Peneraju Seni Budaya dalam Membina Peradaban dan Tamadun Bangsa Malaysia

MISI

1. Memacu pemeliharaan, pengembangan dan kelestarian seni budaya negara.
2. Menggembleng seni budaya sebagai instrumen pembinaan identiti nasional, kesejahteraan sosial dan perpaduan rakyat.
3. Memperkasakan ekosistem industri seni budaya yang inovatif, berdaya saing dan menjana nilai ekonomi.
4. Memanfaatkan seni budaya sebagai pemangkin pelancongan, pembangunan negara dan pengiktirafan global.

8 NILAI BERSAMA



BERPEGANGAN AGAMA

Agama menjadi salah satu rujukan bagi memastikan budaya dan seni dibangunkan dengan penuh semangat kemurnian dan kesejahteraan masyarakat.



BERPENGETAHUAN

Memastikan setiap warga jabatan menekankan dan memperkukuhkan segala cabang ilmu dalam pengurusan pembangunan, pemuliharaan serta pemeliharaan seni dan budaya.



BERSATU PADU

Memupuk semangat perpaduan antara pelbagai kaum melalui pelbagai inisiatif, aktiviti mahupun program budaya dan seni sekali gus menjadikan kepelbagaian ini sebagai satu keunikan masyarakat Malaysia.



BERINOVASI

Memastikan setiap penghasilan idea dan usaha jabatan sentiasa selari dengan teknologi terkini. Ini bagi memastikan jabatan terus relevan dalam memainkan peranan sebagai tunjang kepada pemuliharaan dan pemeliharaan budaya serta seni di Malaysia.



BERJATI DIRI

Memastikan setiap aspek pembangunan dan pengukuhan budaya dan seni hendaklah sentiasa menerapkan serta memperkukuhkan jati diri tinggi bukan sahaja kepada warganya tetapi masyarakat Malaysia amnya.



BERBUDI BAHASA

Setiap aspek bahasa termasuklah penyantunan percakapan mahupun gerak badan dilaraskan dengan kesopanan budi bahasa berasaskan ketamadunan Melayu.



BERJAYA

Memastikan setiap warga jabatan berusaha mencapai kejayaan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat khususnya kepada masyarakat dalam semua aspek.



BERNILAI MURNI

Memastikan setiap warga jabatan mengamal dan menyebarkan setiap pengamalan nilai-nilai murni sekali gus mengekalkan perkhidmatan awam sebagai contoh kepada budaya kerja yang jujur dan berintegriti tinggi.

STRATEGI UTAMA

Memartabatkan budaya sebagai teras jati diri rakyat melalui ekosistem pendidikan, penyelidikan inovatif, pemetaan digital dan komunikasi dinamik bagi menjana ekonomi kreatif yang mampan serta mengangkat citra seni budaya Malaysia ke persada antarabangsa demi membina masyarakat berbudaya tinggi.



PENDIDIKAN SENI BUDAYA

Melahirkan pelapis dan pewaris yang mampu untuk meneruskan legasi seni dan budaya di Malaysia.



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Melaksanakan penyelidikan berkaitan seni budaya Malaysia bagi memastikan warisan tidak ketara kekal terpelihara.



PEMETAAN BUDAYA

Menjadi gerbang informasi dengan capaian yang interaktif, sejajar dengan keperluan semasa bagi tujuan rujukan penyemarakan dan penyebaran maklumat seni budaya dan warisan untuk generasi kini dan akan datang.



PENJANAAN EKONOMI

Membangunkan sosio-ekonomi melalui budaya memastikan bahawa kemajuan negara tidak meminggirkan identiti nasional.



OPTIK BUDAYA

Mengintegrasikan pemeliharaan warisan seni dengan pembangunan ekonomi kreatif dan pemerkasaan modal insan bagi memastikan kelestarian identiti nasional dalam arus modenisasi serta digitalisasi.



PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

Sejajar dengan misi JKKN bagi memanfaatkan seni budaya sebagai pemangkin pelancongan, pembangunan negara dan pengiktirafan global.

BAB 4
STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

- Teras Strategik
- Pelan Tindakan

Teras 1 ➤ 7 Strategi : 13 Program
Teras 2 ➤ 4 Strategi : 7 Program
Teras 3 ➤ 5 Strategi : 8 Program
Teras 4 ➤ 4 Strategi : 11 Program
Teras 5 ➤ 2 Strategi : 5 Program
Teras 6 ➤ 6 Strategi : 9 Program

TERAS STRATEGIK 2026-2030

Pelan Strategik JKKN 2026-2030 ini merumuskan hala tuju dan strategi jabatan dalam memacu organisasi daripada keadaan semasa kepada hala tuju yang dihasratkan pada masa hadapan. Pelan strategik ini dirangka berdasarkan **enam (6) teras strategik** yang menyokong fungsi jabatan.

6 TERAS	**28** STRATEGI	**53** PROGRAM

TERAS 1 — MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA

HALA TUJU :
Peneraju Pembangunan Bakat dan Seni Budaya

Memperkasakan modal insan seni budaya secara holistik bermula daripada peringkat kanak-kanak, komuniti, sehinggalah ke penggiat seni. Agenda ini beralih daripada skop pendidikan asas kepada penguasaan kemahiran tinggi demi memaksimumkan potensi serta kebolehupayaan industri.

7 STRATEGI
13 PROGRAM

TERAS 2 — MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI BUDAYA NEGARA

HALA TUJU :
Pemartabatan dan Pelestarian Warisan Tidak Ketara

Warisan tidak ketara dilestarikan secara berterusan melalui agenda perantisan, dokumentasi dan penyelidikan. Usaha berterusan ini adalah bagi memastikan seni budaya warisan negara kekal dinamik dan relevan mendepani arus pemodenan.

4 STRATEGI
7 PROGRAM

TERAS 3 — MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

HALA TUJU :
Perluasan Aksesibiliti dan Inklusiviti Seni Budaya

Pemerkasaan seni budaya diperluas secara inklusif merangkumi pelbagai bidang dan medium (digital dan fizikal) sekali gus membolehkan ekosistem seni budaya diakses secara terbuka oleh seluruh masyarakat.

5 STRATEGI
8 PROGRAM

TERAS STRATEGIK 2026-2030

TERAS 4 MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA

HALA TUJU :
Pusat Kecemerlangan Data dan Pemerkasaan Kompetensi Industri

Tadbir urus yang mantap menjadi pemacu utama ke arah menyemarakkan ekosistem seni budaya negara. Berteraskan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), fokus strategik ditumpukan kepada pengurusan hab data yang komprehensif, pengiktirafan rasmi, serta pemerkasaan penggiat industri.

4 STRATEGI
11 PROGRAM

TERAS 5 MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN

HALA TUJU :
Pewujudan dan Pengukuhan Ekosistem Seni Budaya yang Mampan

Sinergi kolektif dan tanggungjawab bersama merupakan kunci utama dalam memartabatkan seni budaya negara. Menerusi pengaplikasian teknologi moden dalam strategi promosi dan publisiti, ekosistem seni budaya mampu diperkasakan untuk berdaya saing di peringkat domestik dan global.

2 STRATEGI
5 PROGRAM

TERAS 6 MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

HALA TUJU :
Pemantapan Tadbir Urus Holistik dan Berprestasi Tinggi

Pengukuhan tadbir urus secara berterusan adalah keutamaan bagi memacu kecemerlangan jabatan sebagai organisasi berprestasi tinggi.

Agenda ini dilaksanakan melalui pemantapan menyeluruh merangkumi aspek pentadbiran, modal insan, kewangan, teknologi maklumat serta prasarana fizikal di seluruh negara.

6 STRATEGI
9 PROGRAM

TERAS 1

MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA

T1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA

Mendidik asas seni budaya dalam kalangan kanak-kanak, belia dan komuniti melalui pendekatan asuhan, bimbingan dan latihan kemahiran bagi melahirkan modal insan dan pelapis seni budaya yang berdaya saing dan berjiwa budaya.



1

PENGUKUHAN ASUHAN DAN BIMBINGAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Prasekolah, sekolah rendah dan menengah

AKTIVITI:
Modul seni persembahan, silat, seni berbahasa dan permainan tradisional

JUSTIFIKASI:
Pemupukan awal nilai budaya

297,050
PELAJAR/ PESERTA



2

PEMANTAPAN PROGRAM BIMBINGAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Institusi Pendidikan, Agensi Awam/ Swasta dan Komuniti

AKTIVITI:
Latihan intensif seni budaya, persembahan dan pertandingan

JUSTIFIKASI:
Memperluas penglibatan kumpulan sasar dalam bidang seni budaya

5,250
PESERTA



3

PENERAPAN KESEDARAN NILAI SENI BUDAYA

SASARAN:
Komuniti

AKTIVITI:
Kelas bimbingan seni budaya seperti tarian, muzik, lukisan dan teater komuniti sebagai ruang terapi emosi dan interaksi sosial

1,400
PESERTA



4

PEMBELAJARAN SENI BUDAYA SECARA DIGITAL

SASARAN:
Pelajar dan komuniti global

AKTIVITI:
Modul pembelajaran digital dan interaktif

JUSTIFIKASI:
Memperluaskan akses pendidikan seni budaya

6
MODUL

T1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA



5

PENGIKTIRAFAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Penggiat Seni Budaya

AKTIVITI:
Program Persijilan Kemahiran Seni Budaya (Tari, Teater, Muzik, Seni Suara, Pentas, Busana, Solekan, Pencahayaan, Penataan Bunyi, Pengacaraan)

JUSTIFIKASI:
Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

1,050
PERSIJILAN



6

PEMANTAPAN KEJURULATIHAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Pendidik dan Penggiat Seni Budaya

AKTIVITI:
Kursus Kejurulatihan bidang seni budaya

JUSTIFIKASI:
Melahirkan tenaga pengajar seni budaya yang bertauliah

560
JURULATIH



7

PEMBANGUNAN MODUL SENI BUDAYA

SASARAN:
Tokoh/ Pakar Seni Budaya

AKTIVITI:
Latihan pembangunan modul

JUSTIFIKASI:
Menghasilkan modul mengikut standard pembelajaran kurikulum bidang seni

1
MODUL

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S1: PENGUKUHAN ASUHAN DAN BIMBINGAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Kelab Tunas Budaya (KTB) dan Kelab Giat Budaya (KGB)	Bilangan sekolah	*(6 sekolah x 14 negeri)*						Peningkatan peratusan pelajar sekolah sebagai modal insan seni budaya yang memahami, menghargai dan mengamalkan seni budaya warisan negara	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya
		84	84	84	84	84	420			
	Bilangan pelajar	*(84 sekolah x 25 orang pelajar)*								
		2,100	2,100	2,100	2,100	2,100	10,500			
(2) Celik Seni Budaya	Bilangan pelajar	*(50 sekolah x 10 orang pelajar x 14 negeri)*								
		7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	35,000			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S1: PENGUKUHAN ASUHAN DAN BIMBINGAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN						Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*	
(3) Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC)	Bilangan peserta	*(15 peserta x 14 negeri)*						Peningkatan peratusan pelajar sekolah sebagai modal insan seni budaya yang memahami, menghargai dan mengamalkan seni budaya warisan negara	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya
		210	210	210	210	210	1,050			
(4) PERMATA Seni (Tari, Koir dan Muzik)	Bilangan peserta	100	100	100	100	100	500			
	Bilangan jurulatih	25	25	25	25	25	25			
(5) Aktiviti Sekolah Rendah dan Menengah	Bilangan peserta	*(10 peserta x 5,000 sekolah)*								
		50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	250,000			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S2: PEMANTAPAN PROGRAM BIMBINGAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Bimbingan Hujung Minggu (PBHM)	Bilangan peserta	*(2 bidang x 25 orang peserta x 14 negeri)* 700	700	700	700	700	3,500	• Mencungkil dan menyerlahkan bakat di samping peluang untuk mengenali seni budaya 14 buah negeri • Melahirkan pelapis kepada aktiviti persembahan di bawah JKKN	2026 - 2030	• Bahagian Bimbingan Seni Budaya • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik
(2) Kumpulan Satelit Seni Budaya	Bilangan peserta	*(1 bidang x 25 orang peserta x 14 negeri)* 350	350	350	350	350	1,750			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S3: PENERAPAN KESEDARAN NILAI SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Pusat Bimbingan Seni Budaya (PuBSB)	Bilangan peserta	*(20 orang peserta x 14 negeri)*						Memberi impak yang positif dalam pengembangan dan penerapan nilai seni budaya kepada komuniti di pusat tahanan/ pusat penempatan sementara	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya
		280	280	280	280	280	1,400			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S4: PEMBELAJARAN SENI BUDAYA SECARA DIGITAL

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Portal Celik Budaya	Bilangan modul	4	2	0	0	0	6	• Memupuk apresiasi serta penghayatan seni dan budaya dalam kalangan masyarakat melalui enam (6) modul seni budaya • Menarik minat dan memperluaskan akses pembelajaran seni dan budaya secara digital kepada masyarakat di seluruh negara tanpa mengira lokasi dan masa • Memupuk penghayatan serta memastikan kelestarian warisan budaya negara melalui pembelajaran dan perkongsian ilmu secara berterusan	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya
	Jumlah pelayar portal	100 ribu	100 ribu	100 ribu	100 ribu	100 ribu	500 ribu			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S5: PENGIKTIRAFAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Pembangunan Latihan Kemahiran Seni Budaya: i) Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di bawah *Industry Lead Body* (ILB) JKKN	Bilangan calon dan perantis	130	230	230	230	230	1,050	• Memberi pengiktirafan kemahiran kepada calon/ perantis berdasarkan bidang yang dimohon • Menambah bilangan penggiat seni budaya negara	2026 - 2030	Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya
(2) Promosi ILB dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Seni Budaya i) Peranan ILB ii) Program Persijilan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Akademi Dalam Industri (ADI) dan menyelaras Pegawai Penilai Luaran (PPL)	Bilangan aktiviti	3	3	3	3	3	15			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S6: PEMANTAPAN KEJURULATIHAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN)	Bilangan jurulatih (Tenaga pengajar)	*(8 orang x 14 negeri)* 112	112	112	112	112	560	• Menambah bilangan JSBN bagi memenuhi tuntutan dan permintaan masyarakat (institusi/ agensi/ komuniti) • Melahirkan JSBN yang berkemahiran tinggi,berkualiti, berwibawa, berdisiplin, kompeten dan berdaya saing	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya
	Bilangan kursus	1	1	1	1	1	5			
	Bilangan peserta	30	30	30	30	30	150			

TERAS 1: MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA
S7: PEMBANGUNAN MODUL SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Pembangunan Modul	Bilangan Pembangunan Modul Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB)	0	0	0	0	1	1	Menghasilkan modul mengikut piawaian pembelajaran kurikulum bidang seni merangkumi latihan teori dan amali sebagai rujukan dan panduan kepada JSBN untuk pembelajaran dan pengajaran	2026 - 2030	Bahagian Bimbingan Seni Budaya

TERAS 2

MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI BUDAYA NEGARA

T2: MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI DAN BUDAYA NEGARA

Melestarikan seni budaya warisan sebagai khazanah nasional menerusi strategi penyelidikan, perantisan, pementasan dan dokumentasi agar kekal relevan.



1

MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Penyelidik/ Pelajar/ Pendidik

AKTIVITI:
Penyelidikan dan Program Keilmuan

JUSTIFIKASI:
Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan tidak ketara

10
PENYELIDIKAN



2

MEMANTAPKAN PROGRAM PERANTISAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Komuniti

AKTIVITI:
Latihan dan pembelajaran secara Mentor Mentee bersama Tokoh Seni Budaya

JUSTIFIKASI:
Melahirkan pelapis kesenian tradisional bagi memelihara dan memulihara warisan tidak ketara negara

230
PERANTIS



3

MEMPERKASAKAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Penyelidik/ Pelajar/ Masyarakat/ Pendidik

AKTIVITI:
Mendokumentasi dan menambah bahan rujukan seni budaya negara

JUSTIFIKASI:
Peningkatan pendokumentasian bahan rujukan seni budaya negara

30
PENERBITAN



4

MEMANTAPKAN PORTAL PEMETAAN BUDAYA

SASARAN:
Penyelidik/ Pelajar/ Masyarakat/ Pendidik

AKTIVITI:
Pemerkasaan Kandungan Portal Pemetaan Budaya (video, foto pegun dan artikel)

542,761
PELAYAR

TERAS 2: MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI DAN BUDAYA NEGARA
S1: MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Penyelidikan Seni Budaya	Jumlah penyelidikan	0	5	0	5	0	10	Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan tidak ketara	2026 - 2030	Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
	Bilangan bengkel penyelidikan seni budaya	1	2	0	2	0	5			
(2) Simposium Budaya	Bilangan simposium	0	0	0	1	0	1			
	Bilangan pembentang	0	0	0	5	0	5			
	Bilangan peserta	0	0	0	700	0	700			

S2: MEMANTAPKAN PROGRAM PERANTISAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Perantisan Seni Budaya	Bilangan program	9	0	14	14	14	51	Melahirkan pelapis kesenian tradisional bagi memelihara dan memulihara warisan tidak ketara negara	2026 - 2030	Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
	Bilangan peserta	*(10 orang peserta x 9 negeri)*		*(10 orang peserta x 14 negeri)*						
		90	0	140	140	140	230			
	Bilangan modul	0	9	14	14	14	51			
	Bilangan kajian keberkesanan program	0	0	0	0	1	1			

TERAS 2: MEMPERKASAKAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI DAN BUDAYA NEGARA

S3: MEMPERKASAKAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Penerbitan Bahan Rujukan Seni Budaya	Bilangan hasil penerbitan	8	3	8	3	8	30	• Peningkatan pendokumentasian bahan rujukan seni budaya negara • Penyebarluasan dan penggalakan budaya membaca bahan-bahan seni budaya dalam kalangan masyarakat	2026 - 2030	Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan
(2) Hab Rujukan Seni Budaya Pusat Sumber Seni Budaya (PSSB)	Bilangan bahan PSSB	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	5,000			
	Bilangan pengunjung PSSB	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	25,000			
(3) Kelab Rakan Pusat Sumber Seni Budaya (Rakan PSSB)	Bilangan kelab	0	0	15	0	0	15			
	Bilangan ahli	0	0	*(50 orang x 15 kelab)* 750	*(100 orang x 15 kelab)* 1,500	*(150 orang x 15 kelab)* 2,250	4,500			

S4: MEMANTAPKAN PORTAL PEMETAAN BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Pemerkasaan Kandungan Portal Pemetaan Budaya (video, foto pegun dan artikel)	Bilangan kandungan	50	50	50	50	50	250	Peningkatan jumlah bahan yang berkualiti dan absah serta pendedahan meluas dalam bidang seni budaya kepada masyarakat secara dalam talian	2026 - 2030	Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
	Peratus peningkatan pelayar portal *(Pangkalan tetap: 70,000 pelayar)*	15% (80,500)	15% (92,575)	15% (106,461)	15% (122,430)	15% (140,795)	542,761			

TERAS 3

MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

T3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

Menjamin akses saksama terhadap seni budaya melalui program merakyat, jelajah, platform digital dan pendekatan inklusif supaya seni menjadi milik semua lapisan masyarakat.



1

MERAKYATKAN SENI BUDAYA

Aktiviti seni budaya secara berkala

SASARAN:
Komuniti bandar dan luar bandar

JUSTIFIKASI:
Merakyatkan seni budaya dengan memperluas akses dan penyertaan masyarakat serta memperkasa penglibatan aktif penggiat seni budaya

15 JUTA
KHALAYAK



2

MELUASKAN JANGKAUAN KEPADA PENGGIAT SENI BUDAYA

Penglibatan penggiat seni budaya dalam aktiviti kebudayaan

SASARAN:
Penggiat seni budaya

JUSTIFIKASI:
Meluaskan jangkauan kepada penggiat seni budaya bagi memperkasa bakat, meningkatkan penyertaan dan memastikan kelestarian ekosistem seni budaya

98,000
PENGGIAT SENI BUDAYA



3

MEMBANGUNKAN PRODUK INOVASI SENI BUDAYA

Kolaborasi produk seni budaya antara NGO Seni Budaya bersama pihak berkepentingan bagi penghasilan produk menggunakan teknologi baru

SASARAN:
Penggiat seni budaya, syarikat seni dan agensi pembangunan reka bentuk negara

JUSTIFIKASI:
Membangunkan produk inovasi seni budaya bagi menggalakkan penciptaan produk kreatif yang berdaya saing dan bernilai komersial

75
PRODUK

T3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA



4

MENYEMARAKKAN MANIFESTASI SENI BUDAYA

Penganjuran festival seni budaya

SASARAN:
Penggiat seni budaya dan masyarakat

JUSTIFIKASI:
Menyemarakkan manifestasi seni budaya bagi meningkatkan penghayatan masyarakat, memperkukuh identiti budaya dan kelestarian seni budaya

500,000
KHALAYAK



5

MEMPERKASAKAN BUDAYA NILAI TINGGI

SASARAN:
Pelajar sekolah, penggiat seni budaya dan pemimpin masyarakat

AKTIVITI:
Kempen/ Bengkel/ Kursus/ Sukarelawan

JUSTIFIKASI:
Memperkasa budaya nilai tinggi bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat

35,000
PESERTA

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

S1: MERAKYATKAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Pelancongan Budaya	Bilangan program	15	15	15	15	15	75	• Memulihara dan mengekalkan warisan seni budaya negara, di samping menjana ekonomi melalui seni dan budaya serta memupuk semangat kerjasama, meningkatkan toleransi, keharmonian dan perpaduan ke arah kesejahteraan rakyat Malaysia • Peningkatan penglibatan masyarakat dan NGO seni budaya dalam program seni budaya • Penjanaan ekonomi melalui aktiviti seni dan budaya • Meningkatkan jati diri masyarakat Malaysia melalui semangat kerjasama, toleransi, keharmonian dan perpaduan dalam aktiviti seni budaya	2026 - 2030	Bahagian Pengembangan Seni Budaya
	Jumlah khalayak	1 juta	1 juta	1 juta	1 juta	1 juta	5 juta			
	Jumlah ROI pendapatan	RM 5 juta	RM 5 juta	RM 5 juta	RM 5 juta	RM 5 juta	RM 25 juta			
(2) Festival Seni Budaya	Bilangan program	200	200	200	200	200	200			
	Jumlah khalayak	2 juta	2 juta	2 juta	2 juta	2 juta	2 juta			
	Jumlah ROI pendapatan	RM 10 juta	RM 10 juta	RM 10 juta	RM 10 juta	RM 10 juta	RM 10 juta			

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA
S1: MERAKYATKAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(3) Program Budaya @ Komuniti	Bilangan program	0	*(14 negeri x 2 program)* 28	28	28	28	112	Peningkatan apresiasi terhadap budaya pelbagai kaum, penyemarakan semangat perpaduan serta pewujudan peluang penjanaan pendapatan dalam kalangan komuniti setempat	2026 - 2030	Bahagian Pengembangan Seni Budaya
	Jumlah khalayak	0	50 ribu	60 ribu	70 ribu	80 ribu	260 ribu			
	Jumlah ROI pendapatan dan penajaan	0	RM 400 juta	RM 500 juta	RM 600 juta	RM 700 juta	RM 2,200 juta			

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

S2: MELUASKAN JANGKAUAN KEPADA PENGGIAT SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Jangkauan Seni Budaya: i) Tari ii) Teater iii) Muzik iv) Permainan Tradisional v) Seni Berbahasa vi) Seni Bela Diri vii) Adat dan Budaya viii) Budaya Nilai Tinggi	Bilangan penyertaan penggiat seni budaya	*(20 orang x 70 program x 14 negeri)*					98,000	• Mempromosikan seni dan budaya kepada masyarakat setempat dan pelancong luar negara • Meningkatkan pendapatan penggiat seni budaya	2026 - 2030	• Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik • Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya • Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
		19,600	19,600	19,600	19,600	19,600				
	Jumlah pendapatan penggiat seni budaya	RM 2.94 juta	RM 2.94 juta	RM 2.94 juta	RM 2.94 juta	RM 2.94 juta	RM 14.7 juta			

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA
S3: MEMBANGUNKAN PRODUK INOVASI SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Libat Urus Produk Seni Budaya	Bilangan program	7	7	7	7	7	35	• Menggabungkan produk tradisi dengan idea teknologi moden untuk penghasilan produk inovasi baharu • Mewujudkan jaringan keusahawanan seni budaya • Penghasilan produk inovasi seni budaya yang menjana pendapatan kepada penggiat seni budaya • Peningkatan kecekapan pengurusan data dan penyampaian promosi program melalui platform digital Portal Rumah Seni JKKN	2026 - 2030	• Bahagian Pembagunan Produk Seni Budaya • Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
	Bilangan pembangunan produk seni budaya	15	15	15	15	15	75			
	Bilangan peserta	300	300	300	300	300	1,500			
	Bilangan produk	15	15	15	15	15	75			
(2) Portal Rumah Seni JKKN	Bilangan NGO dan Penggiat Seni Budaya berdaftar	300	300	300	300	300	1,500			
	Bilangan program oleh NGO dan Penggiat Seni Budaya berdaftar	100	100	100	100	100	500			

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA

S4: MENYEMARAKKAN MANIFESTASI SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Manifestasi Seni Budaya: i) Tari ii) Teater iii) Muzik iv) Permainan Tradisional v) Seni Berbahasa vi) Seni Bela Diri vii) Adat dan Budaya	Bilangan program	500	500	500	500	500	2,500	• Peningkatan akses, penyertaan dan apresiasi masyarakat terhadap seni persembahan • Memperluas peluang penglibatan penggiat seni dalam aktiviti persembahan • Memelihara dan menampilkan keunikan serta kepelbagaian seni budaya masyarakat di Malaysia • Mempromosikan seni dan budaya kepada masyarakat setempat dan pelancong luar negara	2026 - 2030	• Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik • Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
	Bilangan khalayak	*(500 program x 200 orang)*								
		100 ribu	100 ribu	100 ribu	100 ribu	100 ribu	500 ribu			

TERAS 3: MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI BUDAYA
S5: MEMPERKASAKAN BUDAYA NILAI TINGGI

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program dan Kempen Budaya Nilai Tinggi	Bilangan program	14	14	14	14	14	70	• Melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya. • Memperkukuhkan nilai-nilai murni dan jati diri melalui aktiviti seni budaya ke arah perpaduan dan kesejahteraan rakyat	2026 - 2030	• Unit Komunikasi Korporat • Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya • Bahagian Bimbingan Seni Budaya
	Bilangan peserta	*(500 orang x 14 negeri)*					35,000			
		7,000	7,000	7,000	7,000	7,000				

TERAS 4

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA

T4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA

Memprofesionalkan sektor seni budaya melalui pemerkasaan data, pengiktirafan, penyelidikan, sistem pemantauan dan peningkatan keupayaan penggiat seni ke arah industri budaya yang mampan.



1

PENDIGITALAN SENI BUDAYA

SASARAN:
Pelajar, penyelidik, penggiat seni, media dan pendidik

AKTIVITI:
Mewujudkan dan memperkukuhkan Pengurusan Pusat Data Seni dan Budaya

4,250,000
PELAYAR



2

PENGIKTIRAFAN KARYAWAN SENI DAN BUDAYA

SASARAN:
Tokoh, penggiat seni, pendukung seni budaya

AKTIVITI:
Anugerah Seni dan pencapaian cemerlang

212
TOKOH/PENERIMA



3

PEMANTAPAN NGO BUDAYA

SASARAN:
NGO

AKTIVITI:
Bengkel dan latihan intensif pengurusan strategik, pengukuran impak, program literasi digital, pemasaran dan kajian data NGO

2,100
PESERTA



4

PEMERKASAAN INDUSTRI SENI BUDAYA

SASARAN:
Penggiat seni, pemain industri

AKTIVITI:
Penghasilan garis panduan bagi memperkukuh tadbir urus seni budaya

4
GARIS PANDUAN

TERAS 4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA
S1: PENDIGITALAN SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Platform Digital Seni Budaya: i) Laman Sesawang JKKN ii) Media Sosial JKKN iii) Portal Pemetaan Budaya iv) Portal Rumah Seni JKKN v) Arkib Digital	Bilangan pelayar	700 ribu	750 ribu	800 ribu	1 juta	1 juta	4.25 juta	• Memperluas ilmu seni budaya kepada masyarakat secara dalam talian • Hab direktori, data dan maklumat seni budaya yang utama di Malaysia	2026 - 2030	• Unit Komunikasi Korporat • Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan • Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
Sambungan... Platform Digital Seni Budaya	i. Bilangan data Portal Pemetaan Budaya	5	5	5	5	5	25	• Memperkukuhkan pengurusan data dan mewujudkan pusat pengurusan data seni dan budaya bagi *social/ cultural impact assessment* • Hab data bagi pengukuran impak untuk memastikan kelangsungan NGO seni budaya dan sukarelawan budaya	2026-2030	• Bahagian Dasar dan Penyelidikan • Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan • Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
	ii. Bilangan data arkib digital	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	25,000			
	iii. Bilangan data e-buku	5	5	5	5	5	25			
	iv. Bilangan data KPI Jabatan	12	12	12	12	12	60			
(2) Data NGO	Bilangan data NGO	14	14	14	14	14	70			
(3) Data Sukarelawan Budaya	Bilangan platform	0	1	0	0	0	1			
	Bilangan sukarelawan berdaftar	280	280	280	280	280	1,400			

TERAS 4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA
S2: PENGIKTIRAFAN KARYAWAN SENI DAN BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN						Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*	
(1) Anugerah Seni Negeri	Bilangan tokoh	0	14	0	14	0	28	Pengiktirafan kepada tokoh, penggiat seni dan pendukung seni, budaya dan warisan	2026-2030	• Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya • Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
	Bilangan pendokong seni	0	*(3 kategori x 14 negeri)* 42	0	*(3 kategori x 14 negeri)* 42	0	84			
(2) Pencalonan Warisan Orang Hidup (WAKOH)	Bilangan calon	5	5	5	5	5	25			
(3) Pencalonan Pingat Kebesaran Negeri	Bilangan calon	14	14	14	14	14	70			

TERAS 4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA
S3: PEMANTAPAN NGO BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN						Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*	
(1) Bengkel Pemerkasaan NGO	Bilangan program	14	14	14	14	14	70	• Meningkatkan kemahiran NGO dalam pengurusan dan pentadbiran seni budaya/ pengurusan acara • Memberi peluang kepada NGO untuk berkarya dan mementaskan persembahan/ aktiviti di pentas/ ruang yang diberikan seterusnya dapat menjana ekonomi NGO • Penambahan NGO seni budaya yang aktif	2026-2030	Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
	Bilangan peserta	*(30 peserta x 14 negeri)*							
		420	420	420	420	420	2,100		
(2) Penyemarakan Aktiviti Seni oleh NGO melalui Insentif Seni JKKN	Bilangan penerima	50	50	50	50	50	250		
(3) Program Pelapis NGO	Bilangan program	5 Zon	5 Zon	5 Zon	5 Zon	5 Zon	5 Zon		

TERAS 4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA
S4: PEMERKASAAN INDUSTRI SENI BUDAYA

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Mewujudkan Garis Panduan Baharu	Bilangan garis panduan	0	1	1	1	1	4	• Penghasilan garis panduan bagi memperkukuh tadbir urus seni budaya • Pewujudan jawatankuasa penilaian pematuhan garis panduan	2026-2030	• Bahagian Dasar dan Penyelidikan • Bahagian Pengukuhan Seni Budaya • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik • Bahagian Bimbingan Seni Budaya • Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya • Bahagian Pengembangan Seni Budaya • Unit Komunikasi Korporat
(2) Semakan Semula Garis Panduan Sedia Ada	Bilangan garis panduan	0	1	1	1	1	4			

TERAS 5

MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN

T5: MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN

Membina ekosistem kolaboratif melalui sinergi antara JKKN, komuniti, NGO, korporat dan badan serantau agar seni budaya berkembang secara holistik dan glokal.



1

PELESTARIAN BUDAYA GLOKAL (Program Jaringan Budaya & Luar Negara)

SASARAN:
Persatuan seni dan komuniti domestik dan luar negara

AKTIVITI:
Pertukaran
program budaya antara negeri dan jelajah seni merentas sempadan

4,500
PENYERTAAN



2

PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK

SASARAN:
GLC, syarikat korporat, Yayasan, agensi Kerajaan, IPT, publisiti dan promosi

AKTIVITI:
Penajaan program seni, sokongan dana festival, kolaborasi CSR berteraskan warisan

JUSTIFIKASI:
Sektor korporat sebagai salah satu pemegang taruh budaya utama negara

100
KERJASAMA

TERAS 5: MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN
S1: PELESTARIAN BUDAYA GLOKAL

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program/ Kursus/ Mesyuarat Kebudayaan Peringkat Antarabangsa	Bilangan penyertaan	10	10	10	10	10	50	• Mengangkat dan mempersembahkan seni budaya warisan Malaysia di peringkat global • Meningkatkan imej negara Malaysia • Memperkukuh hubungan dua hala seni budaya di peringkat global	2026 - 2030	• Cawangan Perancangan dan Penyelarasan Dasar • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik • Bahagian Bimbingan Seni Budaya
	Bilangan peserta	50	50	50	50	50	250			

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(2) Pelaksanaan Program Berbentuk Keilmuan:- i) Intelek Seni ii) Bicara Diplomasi Budaya iii) Bicara Tokoh iv) Borak Seni Budaya v) Syarahan Budaya vi) Simposium Kebudayaan	Bilangan program	3	3	3	3	3	15	Memperluas perkongsian ilmu mengenai kesenian dan kebudayaan warisan yang perlu terus dipulihara dan dipelihara bagi tujuan pelestarian dan pembangunan daripada sudut pandangan tokoh, pakar rujuk dan ilmuwan seni budaya	2026 - 2030	• Bahagian Dasar dan Penyelidikan • Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya • Bahagian Bimbingan Seni Budaya
	Bilangan khalayak	900	900	900	900	900	4,500			

TERAS 5: MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN
S2: PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Kerjasama Strategik bersama Pelbagai Jabatan/ Agensi dari Dalam dan Luar Negara i)MITI ii)KLN iii)*Japan Foundation* iv)Kedutaan	Bilangan kerjasama	20	20	20	20	20	100	Memperkasa jaringan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi seni budaya dalam dan luar negara melalui pemindahan teknologi dan kepakaran	2026 - 2030	• Bahagian Dasar dan Penyelidikan • Unit Komunikasi Korporat • Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik • Bahagian Pengembangan Seni Budaya

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(2) Promosi dan Publisiti Seni Budaya	Bilangan saluran promosi berbentuk maya dan fizikal: • Media sosial • Media elektronik • Media cetak	20	20	20	20	20	100	Mempertingkatkan elemen promosi dan publisiti program/ aktiviti seni budaya dalam dan luar negara yang lebih efisien	2026 - 2030	Unit Komunikasi Korporat
	Nilai Media/ *PR Value*	RM 50 juta	RM 50 juta	RM 50 juta	RM 50 juta	RM 50 juta	RM 250 juta			

TERAS 5: MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN
S2: PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(3) Pameran/ Pesta Buku Seni Budaya	Bilangan pameran/ pesta buku	5	5	5	5	5	25	Mendekatkan seni budaya kepada masyarakat melalui bahan-bahan penerbitan seni budaya disamping dapat meningkatkan sasaran hasil jualan bahan-bahan terbitan JKKN	2026 - 2030	• Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan • Unit Komunikasi Korporat
	Bilangan khalayak	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	25,000			
	Jumlah hasil jualan	RM 20,000	RM 20,000	RM 20,000	RM 20,000	RM 20,000	RM 100 ribu			

TERAS 6

MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

T6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

Mentransformasi struktur organisasi, sistem kerja, data, sumber manusia dan budaya dalaman JKKN ke arah agensi budaya yang moden, cekap, lestari dan disegani.



1

MEMPERKASA PENDIGITALAN ICT JKKN

SASARAN:
Seluruh warga JKKN

AKTIVITI:
- Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem (Sistem e-Tempah dan Laman Web Rasmi)
- Kursus/ bengkel berkenaan kemahiran teknologi terkini

JUSTIFIKASI:
Memodenkan pengurusan operasi jabatan dengan transformasi digital

2
SISTEM



2

MEMBUDAYAKAN NILAI INTEGRITI, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI

SASARAN:
Seluruh warga JKKN

AKTIVITI:
Pemantauan tahunan berasaskan KPI
Integriti, aset dan kewangan

JUSTIFIKASI:
Mewujudkan standard tadbir urus tinggi berasaskan merit, etika dan impak kerja

100 %
KES SELESAI



3

MEMPERKASA TADBIR URUS DAN PEMANTAPAN MODAL INSAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN

SASARAN:
Pegawai pelaksana, penyelaras negeri, pelapis pengurusan

AKTIVITI:
Latihan kepimpinan, modul pengurusan strategik, *coaching* dan *job rotation*

JUSTIFIKASI:
Melahirkan pasukan pelaksana berkualiti tinggi bagi memantapkan pengurusan seni budaya

120
PESERTA

T6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI



4

MENGUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEBIH CEKAP DAN EFISIEN

SASARAN:
Pegawai Kewangan JKKN

AKTIVITI:
Program Audit Kendiri Pengurusan Kewangan

JUSTIFIKASI:
Memantapkan pengurusan kewangan JKKN

10
AUDIT KENDIRI



5

MEMANTAPKAN PRASARANA JKKN KE ARAH PERSEKITARAN YANG LEBIH KONDUSIF

SASARAN:
Semua fasiliti di JKKN Ibu Pejabat dan JKKN Negeri

AKTIVITI :
Penyediaan dan penyelenggaraan ruang

JUSTIFIKASI :
Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi JKKN melalui penyediaan persekitaran kerja dan prasarana yang kondusif dan selamat

25
AKTIVITI



6

MEMASTIKAN KUALITI DAN KEBOLEHCAPAIAN KE ARAH GAYA HIDUP SIHAT

SASARAN:
Seluruh warga JKKN

AKTIVITI:
Kempen integriti dalaman, psikologi kerja, kebajikan staf dan program keseimbangan kerja-hidup (*work-life balance*)

JUSTIFIKASI:
Mewujudkan persekitaran kerja sihat, produktif dan beretika tinggi

75
AKTIVITI

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
S1: MEMPERKASA PENDIGITALAN ICT JABATAN

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem (Sistem e-Tempah dan Laman Web Rasmi)	Bilangan sistem yang dibangunkan /diselenggara	1	0	1	0	0	2	Meningkatkan kebolehcapaian dan keupayaan sistem aplikasi, keselamatan dan infrastruktur ICT JKKN	2026 - 2030	Unit Sistem Maklumat
(2) Kursus/ Bengkel berkenaan Kemahiran Teknologi Terkini	Bilangan kursus teknologi maklumat	1	1	1	1	1	5	Memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran teknologi terkini kepada warga JKKN		
	Bilangan peserta kursus teknologi maklumat	50	50	50	50	50	250			

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
S2: MEMBUDAYAKAN NILAI INTEGRITI, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Pengamalan Budaya Berintegriti	Peratusan pengurusan aduan yang diselesaikan	100%	100%	100%	100%	100%	100%	Menangani dan menyiasat kes-kes tatatertib yang telah berlaku	2026 - 2030	Unit Integriti
	Peratusan kes tatatertib yang diselesaikan	100%	100%	100%	100%	100%	100%			
	Bilangan aktiviti/ seminar bengkel/ ceramah berkenaan aspek pengukuhan integriti	3	3	3	3	3	15	Meningkatkan kesedaran dan pengamalan budaya berintegriti dalam kalangan warga JKKN		
	Bilangan pemantauan ke negeri	2	2	2	2	2	10	Mengurangkan kes-kes salah laku dalam kalangan warga JKKN		

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

S3: MEMPERKASA TADBIR URUS DAN PEMANTAPAN MODAL INSAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Pemerkasaan Sumber Manusia	Bilangan kursus pemantapan kepimpinan pegawai	0	1	1	1	1	4	• Membina budaya kerja berprestasi tinggi dan progresif dalam pengurusan organisasi seni budaya • Memperkasa kemahiran pengurusan budaya melalui latihan kepimpinan dan pendedahan kerja rentas bidang	2026 - 2030	Cawangan Sumber Manusia
	Bilangan peserta kursus pemantapan kepimpinan pegawai	0	30	30	30	30	120			
	Bilangan Pelan Penstrukturan Semula Organisasi	1	0	0	0	0	1			

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
S4: MENGUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEBIH CEKAP DAN EFISIEN

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Program Audit Kendiri Pengurusan Kewangan	Bilangan pelaksanaan Audit Kendiri di JKKN Ibu Pejabat dan JKKN Negeri	2	2	2	2	2	10	Meminimakan teguran audit dalam dan naziran akaun	2026 - 2030	Cawangan Kewangan

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
S5: MEMANTAPKAN PRASARANA JKKN KE ARAH PERSEKITARAN YANG LEBIH KONDUSIF

PROGRAM /AKTIVITI		SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Penyelenggaraan Fasiliti JKKN	Bilangan ruang diselenggara	5	5	5	5	5	25	• Memastikan prasarana jabatan sentiasa kondusif dan mendukung keperluan aktiviti seni budaya • Memantau kefungsian, keselamatan dan kelestarian infrastruktur di samping memastikan perancangan penyelenggaraan serta pengurusan kos yang cekap	2026 - 2030	Unit Pembangunan Infrastruktur
(2) Audit Penyediaan/ Penyelenggaraan Kemudahan dan Fasiliti OKU di Premis JKKN	Bilangan audit kemudahan dan fasiliti OKU disediakan/ diselenggara	1	1	1	1	1	5			
(3) Penilaian Keadaan Bangunan dan Fasiliti di Premis JKKN	Bilangan kompleks JKKN yang melaksanakan penilaian	2	2	2	2	2	10			

TERAS 6: MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
S6: MEMASTIKAN KUALITI DAN KEBOLEHCAPAIAN KE ARAH GAYA HIDUP SIHAT

PROGRAM /AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN							Tempoh	Bahagian/ Cawangan
		Output 2026	*Output 2027*	*Output 2028*	*Output 2029*	*Output 2030*	Jumlah Sasaran 5 tahun	*Outcome*		
(1) Melaksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)								Membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga JKKN	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
i) Amalan Pemakanan Sihat	Bilangan paparan nilai kalori sajian yang disediakan semasa mesyuarat	6	12	12	12	12	54			
ii) Pemeriksaan Kesihatan Fizikal dan Mental bagi Warga JKKN	Bilangan pemeriksaan kesihatan	1	1	1	1	1	5			
iii) Aktiviti Senaman dan Gaya Hidup Sihat (Fizikal/ Maya)	Bilangan aktiviti	15	15	15	15	15	75			

BAB 5
IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

- Mekanisme Pelaksanaan
- Pemantauan
- Penilaian
- Kaedah Penilaian Impak Budaya
- Elemen Penentu Kejayaan
- Selangkah ke Hadapan

MEKANISME PELAKSANAAN

Beberapa perkara penting yang mempengaruhi perancangan hala tuju dan tindakan perlu diberi perhatian bagi memastikan objektif Pelan Strategik JKKN 2026–2030 dapat dicapai secara efektif. Mekanisme pelaksanaan yang menyokong penterjemahan pelan strategik tersebut dapat dirumuskan seperti di **Jadual 1**.

01

PELAN STRATEGIK JKKN 2026-2030 SEBAGAI PANDUAN UTAMA

- Mengguna pakai Pelan Strategik JKKN 2026-2030 sebagai panduan utama dalam fasa perancangan strategi dan pelaksanaan program tahunan

02

PENYELARAS DAN PELAKSANA DI PERINGKAT IBU PEJABAT DAN NEGERI

- Ibu Pejabat JKKN sebagai penyelaras utama dan pelaksana strategi dan program dan Pelan Strategik JKKN 2026-2030
- JKKN Negeri sebagai pelaksana strategi dan program Pelan Strategik JKKN 2026-2030

03

PELAKSANAAN KESEDARAN PENGURUSAN STRATEGIK

- Kemas kini laman sesawang JKKN secara berkala
- Mengadakan seminar atau sesi perkongsian ilmu
- Mesyuarat Pengurusan dan Perancangan JKKN

04

PELAN OPERASI/ JADUAL PELAKSANAAN YANG EFISIEN

- Membangunkan Pelan Operasi atau Jadual Pelaksanaan yang terperinci bagi setiap strategi dan program

JADUAL 1: Mekanisme Pelaksanaan

PEMANTAUAN

Strategi dan pelan tindakan dalam pelan ini akan dipantau mengikut kaedah yang ditetapkan dalam **Jadual 2**. Ini bagi memastikan setiap unit, cawangan dan bahagian di JKKN melaksanakan peranan serta tanggungjawab masing-masing sepanjang tempoh lima (5) tahun Pelan Strategik JKKN 2026–2030. Di samping itu, Jawatankuasa Pelan Strategik akan memberi tumpuan kepada program berimpak tinggi mengikut keutamaan bagi tujuan pelaksanaan kajian impak.

TINDAKAN PEMANTAUAN	**KETUA BAHAGIAN**	**PENYELARAS TERAS**	**KETUA PENGARAH JKKN**
PERINGKAT PELAKSANAAN	Pelaporan Pelaksanaan Program oleh Pegawai Penyelaras Unit/ Cawangan/ Bahagian	Semakan dan Penilaian Laporan Pelaksanaan Program Peringkat Penyelaras Teras	Pembentangan Laporan Pelaksanaan dan Penilaian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategik
TEMPOH PELAKSANAAN	**Suku Tahun**	**Dua kali setahun (Jun dan Disember)**	**Sekali setahun (Disember)**

JADUAL 2: Kaedah Pemantauan Pelan Strategik JKKN 2026-2030

PENILAIAN

Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, penilaian Pelan Strategik JKKN 2026-2030 dan kajian keberkesanan akan dilaksanakan pada tahun ke-3. Penilaian dan kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baharu perubahan persekitaran dan tumpuan strategik.

01

PENILAIAN/ KAJIAN SEMULA SEPARUH PENGGAL

Akan dilaksanakan pada tahun 2028 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan

02

KEANGGOTAAN

Pengerusi: Ketua Pengarah JKKN
Setiausaha: Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Ahli-ahli: Pengarah Negeri/ Pengarah Bahagian/ Ketua Unit Cawangan dan Bahagian

03

TASK FORCE

Bagi program yang belum mencapai sasaran, Jawatankuasa Pelan Strategik akan membentuk *task force* bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan dan memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

04

KAJIAN SEMULA SECARA KESELURUHAN

Setelah tamat tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Pelan Strategik dan program bagi tahun 2026–2030, Jawatankuasa Pengurusan Pelan Strategik akan melaksanakan semakan semula secara menyeluruh terhadap Pelan Strategik bagi menyelaras hala tuju strategik serta strategi yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa.

KAEDAH PENILAIAN IMPAK BUDAYA

Kaedah Penilaian Impak Budaya merupakan satu mekanisme sistemik yang digunakan untuk mengukur keberkesanan serta nilai tambah sesuatu program seni dan budaya terhadap masyarakat serta ekosistem negara. Penilaian ini bukan sekadar mengira bilangan pengunjung, tetapi satu proses untuk menterjemahkan hasil (*outcome*) program kepada bentuk nilai yang lebih bermakna seperti:

NILAI SOSIAL
Tahap perpaduan, keharmonian, dan toleransi yang dipupuk melalui aktiviti seni.

NILAI EKONOMI
Sumbangan langsung kepada pendapatan golongan sasar (seperti penggiat seni dan usahawan) melalui aktiviti pelancongan budaya.

JATI DIRI
Sejauh mana program tersebut berjaya memartabatkan identiti warisan bangsa dalam kalangan masyarakat.

Kaedah ini dilaksanakan dengan objektif untuk:

MENILAI KEBERKESANAN
Memastikan setiap program yang dijalankan menepati teras strategik Pelan Strategik JKKN 2026-2030;

PENGAMBILAN KEPUTUSAN BERASASKAN DATA
Menyediakan asas data yang kukuh untuk perancangan dasar masa hadapan; dan

AKAUNTABILITI
Memastikan peruntukan yang diberikan membawa pulangan yang optimum kepada rakyat dan negara (konsep *Return for Value*).

Secara keseluruhannya, Kaedah Penilaian Impak Budaya JKKN berfungsi sebagai **instrumen strategik** untuk memastikan seni budaya bukan sekadar dilihat sebagai hiburan, tetapi sebagai agen pembangunan masyarakat yang mampan, inklusif, dan berimpak tinggi.

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Elemen-elemen berikut telah dikenal pasti sebagai faktor penentu dalam merangka strategi dan tindakan yang perlu dilaksanakan:



Modal Insan

Strategi sumber manusia yang menyeluruh serta warga kerja yang berilmu, proaktif, dan beretika amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan perancangan strategik ini



Sumber Dana dan Sumber Kewangan


Sumber yang mencukupi akan memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai dan membolehkan JKKN berfungsi secara cekap dan berkesan



Tadbir Urus

Tadbir urus yang baik dan komunikasi berkesan penting untuk sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang

ELEMEN **PENENTU KEJAYAAN**



Sistem dan Prosedur Kerja

Sistem dan prosedur kerja yang mantap akan dapat meningkatkan tahap kecekapan warga kerja dan organisasi. Ia perlu sentiasa dikaji semula supaya kekal relevan



Sokongan dan Kerjasama Pelbagai Pihak

Sokongan dan kerjasama daripada pihak berkepentingan, agensi kerajaan atau berkaitan kerajaan dan pihak swasta adalah amat penting dalam menjayakan pelan strategik yang dirancang



Teknologi

Memacu pendigitalan dalam setiap aspek operasi jabatan untuk membina persekitaran kerja pintar yang lebih cepat, cekap dan selamat

SELANGKAH KE HADAPAN

Pencapaian aspirasi Pelan Strategik JKKN 2026–2030 memerlukan kesungguhan seluruh warga kerja dalam memperkukuh keupayaan organisasi, mempertingkat keberkesanan penyampaian serta memperluas jaringan kerjasama strategik. Persekitaran yang sentiasa berubah menuntut pendekatan yang lebih dinamik, inovatif dan responsif agar setiap perancangan dapat diterjemahkan kepada tindakan yang berimpak. Melalui kesepaduan usaha, pemerkasaan kapasiti dan komitmen bersama, JKKN berupaya memperkukuh peranannya dalam pembangunan seni budaya serta menghasilkan keberhasilan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

1 PEMANTAPAN JATI DIRI

- Seni Budaya Meningkatkan Kesejahteraan rakyat selaras dengan Prinsip Malaysia Madani.
- Reformasi budaya secara holistik merangkumi setiap lapisan masyarakat selari dengan prinsip Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) iaitu Negara Maju Rakyat Berbudaya.
- Seni Budaya Melahirkan Masyarakat yang Berjati Diri, Berkualiti dan Berbudaya Nilai Tinggi.
- Melahirkan masyarakat yang berbudaya tinggi

2 MERANCAKKAN KEGIATAN INDUSTRI KREATIF

- Membentuk masyarakat yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan melalui industri kreatif sebagai sumber baharu kepada ekonomi negara.
- Profesion seni budaya yang berkemahiran tinggi diangkat ke peringkat global.
- Mengkomersialkan produk seni budaya ke peringkat global.
- Meningkatkan kerjaya masa hadapan melalui Pendidikan Industri Kreatif di semua peringkat institusi pendidikan

3 PEMERKASAAN PEMAIN INDUSTRI (NGO, PENGGIAT, SYARIKAT) SENI BUDAYA

- Meningkatkan keupayaan daya saing, kepakaran dan pemasaran dalam kalangan penggiat, kumpulan dan pemain industri berkaitan seni budaya.
- Memperkasakan usahawan seni budaya yang berkemahiran dan menyumbang ke arah industri kreatif negara.
- Mewujudkan "Projek Rintis Khas" yang menjadi model kepada pemain industri kreatif yang berdaya saing serta bertaraf global.

4 KAJIAN DAN PENYELIDIKAN SENI BUDAYA

- Mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pendokumentasian kandungan tempatan secara digital untuk keberkesanan pembangunan seni budaya negara.
- Kelangsungan produk seni budaya warisan negara melalui penggunaan teknologi terkini.
- Memartabatkan seni budaya negara yang berestetika dan berimpak tinggi sehingga ke peringkat global.
- Kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan di peringkat serantau.
- Pelestarian Warisan Tidak Ketara.

SELANGKAH KE HADAPAN

5 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

- Penambahbaikan infrastruktur seni budaya dalam menyemarakkan seni budaya.
- Pelaksanaan program jaringan pintar pelbagai sektor/peringkat dalam menyediakan infrastruktur seni budaya.
- Menjadi Pusat Kecemerlangan Seni (*Centre of Excellence-CoE*)
- Meningkatkan pendapatan pemain industri melalui program/ aktiviti.
- Mengkomersialkan prasarana seni budaya dalam menjana ekonomi.
- Mewujudkan Satu Daerah Satu Seni – Pelancongan Budaya

6 TRANSFORMASI DIGITAL

- Memaksimumkan penggunaan media baharu bagi sebaran dan capaian maklumat seni budaya
- Mempertingkatkan ekonomi pemain industri seni budaya melalui platform digital.
- Meneroka pasaran baharu produk seni budaya bagi menjamin kelangsungan penjanaan ekonomi sektor kebudayaan.
- Mempergiatkan pendidikan dan latihan seni budaya melalui platform digital

7 AGENSI PENERAJU SENI BUDAYA

- Melahirkan generasi pelapis yang berketerampilan dan cemerlang dalam bidang seni budaya.
- Memperkasakan peranan sebagai agensi berautoritatif dalam bidang seni budaya.
- Meningkatkan kualiti pekerja mahir dan profesional dalam bidang seni budaya.
- Memberi pengiktirafan dan pentauliahan kepada penggiat seni budaya bagi membuka ruang serta peluang ke arah pembangunan kerjaya.

PENUTUP

Pelan Strategik JKKN 2026–2030 merupakan dokumen hala tuju yang bersifat menyeluruh, inklusif dan berpandangan jauh dalam membangunkan ekosistem seni budaya negara. Ia bukan sekadar pelan tindakan bersifat pentadbiran, tetapi sebuah kerangka transformasi budaya yang merangkumi pemerkasaan komuniti, profesionalisme organisasi, serta pemantapan jaringan budaya di peringkat nasional dan antarabangsa.

Melalui enam (6) Teras Strategik yang digariskan, pelan ini menggabungkan pendekatan dasar, pembangunan modal insan, pemerkasaan teknologi, tadbir urus cekap, serta kolaborasi merentas sektor sebagai asas penggerak industri seni budaya yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Dalam usaha mendepani cabaran semasa dan mendatang, pelaksanaan pelan ini menuntut komitmen kolektif daripada seluruh warga JKKN, kementerian peneraju, rakan kerjasama strategik, agensi kerajaan, sektor swasta, institusi akademik serta masyarakat umum. Penyertaan aktif semua pihak akan memastikan pelan ini bukan sekadar dirancang di atas kertas, tetapi dilaksanakan dengan berkesan dan memberi impak sebenar kepada rakyat.

Akhirnya, diharapkan Pelan Strategik ini menjadi pemangkin kepada pemerkasaan JKKN sebagai organisasi pentadbir budaya yang bukan sahaja cemerlang dari sudut pelaksanaan, bahkan menjadi institusi yang dihormati, diyakini dan dicintai rakyat sebagai benteng penjaga warisan serta pencetus kemajuan budaya negara.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai JKKN yang telah memberikan komitmen tinggi sepanjang usaha penghasilan dokumen strategik ini.

Jutaan terima kasih juga dizahirkan kepada barisan Pengurusan Tertinggi JKKN atas segala nasihat dan idea-idea bernas yang telah diberikan bagi merealisasikan pewujudan Pelan Strategik JKKN 2026-2030.

Kejayaan penyediaan Pelan Strategik JKKN 2026-2030 ini juga adalah atas bimbingan daripada pihak Smart Management Enterprise selaku perunding yang telah dilantik secara rasmi oleh JKKN.

~ Terima Kasih ~



GALERI

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik JKKN 2026-2030
9–11 April 2025 | Hotel Villea, Port Dickson, Negeri Sembilan



GALERI


BENGKEL PELAN STRATEGIK JKKN 2026 - 2030
Mohd Radzi bin Omar
TKPDP


BENGKEL
PELAN STRATEGIK
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
2026 - 2030

GALERI


PEMBANGUNAN DAN
KELESTARIAN SENI BUDAYA




9 - 11 APRIL 2025 (RABU-
AT)
HOTEL VILLEA, PORT D
NEGERI SEMBILAN
JKKN

GALERI

Bengkel Pemurnian Pelan Strategik JKKN 2026-2030

10-12 Jun 2026 | Aras 18 Ibu Pejabat JKKN, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur







GALERI











GALERI





Naik perahu ke Kuala Kedah,
Pisang disalai di atas para,
Strategi disusun menjadi wadah,
Budaya diperkasa, negara sejahtera.

Ke taman bunga memetik melati,
Kenanga ditanam di pinggir paya,
Pelan Strategik kita hayati,
Pemacu kecemerlangan seni budaya.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايان دان كسنين نڬارا

Akar kita adalah sejarah, dahan adalah seni, budaya pula membentuk jati diri dan ketamadunan bangsa. Berpaksikan seni budaya sebagai kemudi masa hadapan, Pelan Strategik JKKN 2026–2030 menzahirkan komitmen berterusan dalam usaha pemerkasaan tamadun bangsa, penyatuan masyarakat serta perpaduan negara melalui elemen seni dan budaya.

ISBN 978-629-7886-07-7

IMBAS KOD QR
(e-buku)